A

Yaakop bin Desa lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO A-06A(SH)-27–10 TAHUN 2018
KAMARDIN HASHIM, STEPHEN CHUNG DAN MOHAMAD ZABIDIN HHMR
19 NOVEMBER 2019

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh dengan tuduhan memperdagangkan senjata api di bawah s 7 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 — Perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup — Sama ada hakim bicara gagal
D *membuat penilaian maksimum terhadap keterangan — Sama ada pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie — Sama ada hakim bicara gagal memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada pembelaan perayu — Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 s 7*

E Perayu telah dituduh di Mahkamah Tinggi Taiping, Perak atas satu kesalahan di bawah s 7 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 ('Akta') kerana memperdagangkan dua laras senapang patah. Mohamad Zauri bin Lut ('SP5') yang mengambil alih tugas perayu bersama Penolong Pegawai RELA Daerah Selama ('SP4') membuat pemeriksaan fizikal ke atas senjata api dalam stor
F simpanan. Mereka mendapati terdapat kekurangan senjata api sebanyak 44 laras dan membuat laporan polis. Siasatan polis membawa kepada tangkapan seorang bernama Aziz bin Mohamad Zubir ('SP3'). ASP Mohd Shuhaimi bin Hj Johari ('SP6') mengetuai sepasukan polis dengan dipandu arah oleh SP3 telah pergi ke lokasi di mana SP3 telah menunjukkan kepada SP6 senapang
G patah yang dibeli dari perayu. SP3 telah menyerahkan bungkusan yang di dalamnya mengandungi satu laras senapang patah No siri 59315 ('P5A') dan satu laras senapang patah tiada No siri ('P7A'). Hasil soal siasat mendapati SP3 telah membeli P5A dan P7A tersebut daripada perayu di hadapan Pejabat RELA Daerah Selama dan P5A dan P7A tersebut telah dihantar ke Jabatan
H Sumber Strategik dan Teknologi (Persenjataan), Ibu Pejabat Polis Kontinjen Ipoh untuk ujian serviceability. Kedua-dua laras senapang P5A dan P7A telah diuji yang mana keputusannya kedua-dua boleh berfungsi dengan baik dan boleh melepaskan tembakan. Di akhir perbicaraan, hakim bicara bijaksana mendapati perayu bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan. Perayu
I kemudian dijatuhkan dengan hukuman penjara seumur hidup. Oleh itu, rayuan ini. Isu-isu untuk pertimbangan adalah: (a) sama ada hakim bicara bijaksana terkhilaf apabila gagal membuat penilaian maksimum terhadap keterangan di peringkat pendakwaan; (b) sama ada pendakwaan berjaya membuktikan satu kes prima facie; dan (c) sama ada hakim bicara bijaksana

terkhilaf apabila gagal memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada pembelaan perayu. A

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Keterangan yang diberikan oleh SP3 yang tidak dicabar dalam kes ini boleh dianggap telah diakui. Tiada apa-apa yang 'incredible or romancing character' dalam keterangan SP3 terutama berhubung beliau membeli P5A dan P7A dari perayu dan menyimpannya di tempat di mana P5A dan P7A kemudiannya ditemui. Oleh itu hakim bicara bijaksana bertindak betul dengan menerima keterangan SP3 dalam memutuskan pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie (lihat perenggan 20–21). B C

(2) Keterangan jelas menunjukkan P5A dan P7A telah dirampas oleh SP6 daripada SP3 dan diserahkan kepada SP7 pada hari sama. Identiti barang kes tidak boleh dipertikaikan. Justeru itu dakwaan perayu bahawa rangkaian keterangan berhubung barang kes P5A dan P7A adalah tidak bermerit (lihat perenggan 22). D

(3) Kegagalan memanggil saksi-saksi memberi keterangan tidak menjejaskan kes pendakwaan memandangkan terdapat keterangan dari saksi-saksi lain pendakwaan yang membuktikan setiap inti pati bertuduhan. Tambahan lagi saksi-saksi ini hanyalah berhubung isu sama ada P5A dan P7A adalah kepunyaan RELA yang merupakan bukan satu dari elemen yang perlu dibuktikan bagi tuduhan di bawah s 7 Akta (lihat perenggan 23). E F

(4) Tiada apa-apa dalam pembelaan perayu yang boleh menimbulkan keraguan terhadap fakta asas atas mana kes pendakwaan bergantung yang telah dibuktikan oleh pendakwaan. P5A dan P7A merupakan dua senapang patah yang sama yang telah dijual oleh perayu kepada SP3. Pembelaan perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Sebaliknya pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah. Hakim bicara bijaksana tidak melakukan apa-apa kesilapan dalam mendapati perayu bersalah dan menyabitkan perayu dengan pertuduhan yang ada (lihat perenggan 28 & 31). G H

[English summary

The appellant was charged in the High Court of Tiping, Perak for an offense under s 7 of the Firearms (Increased Penalties) Act 1971 ('the Act') for trafficking in two shotguns. Mohamad Zauri bin Lut ('SP5') who took over the role of the appellant along with RELA's Assistant Officer District Perama ('SP4') conducted a physical examination of firearms in the storage. They found a shortage of 44 barrels of firearms and lodged a police report. A police investigation led to the arrest of a man named Aziz bin Mohamad Zubir I

('SP3'). ASP Mohd Shuhaimi bin Hj Johari ('SP6') led a team of police under the direction of SP3 went to a location where SP3 showed SP6 the shotgun that had been purchased from the appellant. SP3 had handed over a package containing one barrel of shotgun serial No 59315 ('P5A') and one barrel of shotgun with no serial number ('P7A'). Investigations revealed that SP3 had purchased P5A and P7A from the appellant in front of the RELA Office District Selama and then P5A and P7A were sent to the Strategic Resources and Technology (Armed Forces) Department, Ipoh Contingent Police Headquarters for serviceability testing. Both P5A and P7A rifle had been tested and both had been able to work well and could fire. At the end of the trial, the learned trial judge found the appellant guilty and convicted on the charge. The appellant was sentenced to life imprisonment. Hence, this appeal. The issues for consideration were: (a) whether the learned trial judge erred when he failed to give maximum evaluation of the evidence at the prosecution level; (b) whether the prosecution had succeeded in proving a prima facie case; and (c) whether the learned trial judge erred when failed to give due consideration to the appellant's defence.

Held, dismissing the appeal:

(1) The evidence provided by SP3 was not challenged in this case. There was nothing 'incredible or romancing character' in SP3's evidence especially regarding him buying P5A and P7A from the appellant and kept them in the place where P5A and P7A were later found. Therefore, the learned trial judge was right in admitting SP3's evidence in deciding that the prosecution had proved a prima facie case (see paras 20–21).

(2) The evidence clearly showed that P5A and P7A were seized by SP6 from SP3 and handed over to SP7 on the same day. The identity of the case item was beyond dispute. Therefore, the appellant's claim that the evidence in relation to the case items of P5A and P7A had no merit (see para 22).

(3) Failure to call witnesses to give evidence did not affect the prosecution's case as there was evidence from other prosecution witnesses to prove every element of the charge. Furthermore, these witnesses were only on the issue of whether P5A and P7A belonged to RELA which was not one of the elements to be established for the charge under s 7 of the Act (see para 23).

(4) There was nothing in the defence of the appellant that could raise doubts about the underlying facts on which the prosecution's case depended on which the prosecution had proven. P5A and P7A were the same two shotguns that the appellant had sold to SP3. The appellant's defence failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case. Instead, the prosecution had proven its case beyond reasonable doubt. The learned trial judge did not make any error in finding the appellant guilty and

convicted the appellant on the charge (see paras 28 & 31).]

Kes-kes yang dirujuk

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16 (dirujuk)
Wong Swee Chin v PP [1981] 1 MLJ 212, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 ss 2, 7, 7(1)

Rayuan daripada: Bicara Jenayah No 46D-03–09 Tahun 2017 (Mahkamah Tinggi, Taiping)

P Ravee (P Ravee & Co) bagi pihak perayu.
Mohamed Faizal bin Mohamed Fedder (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Mohamad Zabidin HMR:

[1] Perayu telah dituduh di Mahkamah Tinggi Taiping, Perak atas satu kesalahan di bawah s 7 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 ('Akta') kerana memperdagangkan dua laras senapang patah.

[2] Tuduhan terhadap perayu seperti mana telah dipinda melalui eksh P32 adalah:

> Bahawa kamu antara tahun 2015 hingga tahun 2016 di hadapan pejabat RELA Daerah Selama, di dalam Daerah Larut Matang, di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, telah berdagang senjata api sebanyak 2 laras senapang patah jenis Harrington & Richardson iaitu 1 laras nombor siri: 59315 dan 1 laras tiada nombor siri milik RELA di bawah Seksyen 7 Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 yang boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

[3] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara bijaksana mendapati satu kes prima facie telah berjaya dibuktikan seperti dalam pertuduhan. Perayu diperintah membela diri.

[4] Di akhir perbicaraan, hakim bicara bijaksana mendapati perayu bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan. Perayu kemudian dijatuhkan dengan hukuman penjara seumur hidup. Memandangkan umur perayu lebih dari 50 tahun, tiada hukuman sebat dikenakan terhadap perayu.

[5] Terkilan dengan keputusan tersebut, perayu merayu ke mahkamah ini

terhadap sabitan dan hukuman. Kami mendengar rayuan ini pada 6 Mei 2019 di mana di akhir pendengaran kami menolak rayuan perayu dan mengesahkan sabitan dan hukuman. Kini kami memberi alasan kenapa rayuan perayu ditolak.

FAKTA KES

[6] Rentetan fakta kes berdasarkan keterangan saksi-saksi pendakwaan telah di nyatakan dengan terperinci oleh hakim bicara bijaksana dalam alasan penghakiman beliau bermula dari ms 9–16 Jld 1 rekod rayuan. Fakta yang relevan bagi tujuan rayuan ini boleh diringkaskan seperti berikut:

(a) SP5 iaitu Mohamad Zauri bin Lut telah mengambil alih tugas perayu melalui Nota Serah Tugas bertarikh 1 Disember 2015. Beliau bersama SP4 iaitu Penolong Pegawai RELA Daerah Selama bernama Mohamad Nor Faizal bin Hashim membuat pemeriksaan fizikal ke atas senjata api dalam stor simpanan;

(b) mereka mendapati terdapat kekurangan senjata api jenis Harrington & Richardson sebanyak 44 laras dan membuat laporan polis sebagaimana Bukit Selambau Rpt 126/2017;

(c) berikutan dari laporan polis yang dibuat oleh SP5, pihak polis menjalankan siasatan. Siasatan polis membawa kepada tangkapan seorang bernama Aziz bin Mohamad Zubir ('SP3') pada 22 Mac 2017;

(d) pengadu dalam kes ini ialah ASP Mohd Shuhaimi bin Hj Johari, ('SP6') yang bertugas di Pejabat D9, Jabatan Siasatan Jenayah IPK Kedah. Pada 23 Mac 2017 jam lebih kurang 7 pagi pengadu mengetuai sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah, dengan dipandu arah oleh SP3, telah pergi ke bawah pokok tepi rumah pam air, FELDA Lawin Selatan, Grik, Perak. Setelah sampai di lokasi tersebut, SP3 telah menunjukkan kepada pengadu senapang patah yang dibeli dari perayu di tepi rumah pam air;

(e) SP3 telah menyerahkan bungkusan yang di dalamnya mengandungi satu laras senapang patah jenis Harrington & Richardson No siri 59315 ('P5A') dan satu laras senapang patah tiada No siri ('P7A'). SP6 bersama pasukan telah buat rampasan dan telah membawa balik SP3 ke Balai Polis Grik;

(f) hasil soal siasat mendapati SP3 telah membeli dua laras senapang patah P5A dan P7A tersebut daripada perayu di hadapan Pejabat RELA Daerah Selama; dan

(g) P5A dan P7A tersebut telah dihantar ke Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi (Persenjataan), Ibu Pejabat Polis Kontinjen Ipoh untuk ujian *serviceability.* Kedua-dua laras senapang P5A dan P7A telah diuji yang

mana keputusannya kedua-dua boleh berfungsi dengan baik dan boleh melepaskan tembakan.

KEPUTUSAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[7] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara bijaksana mendapati antara lain pendakwaan telah berjaya membuktikan P5A dan P7A adalah senjata api. Perayu telah melakukan perbuatan berdagang senjata api P5A dan P7A tersebut tanpa lesen. Justeru itu, hakim bicara bijaksana mendapati satu kes prima facie telah terbukti dan memerintah perayu membela diri.

PEMBELAAN

[8] Perayu memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Hanya perayu seorang memberi keterangan bagi pihak pembelaan. Keterangan perayu secara ringkas adalah:

(a) pada tahun 2009, perayu diarahkan oleh Pengarah RELA Negeri Perak untuk mengambil alih jawatan Pegawai RELA Daerah Selama apabila Pegawai RELA terdahulu yang bernama Razak bin Sukut telah ditangkap oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ('SPRM');

(b) pada hari perayu melaporkan diri, sesampainya di pejabat, perayu dapati pintu pejabat tidak berkunci dan pejabat di dalam keadaan berselerak. Setiap pintu yang ada, kononnya telah diumpil oleh SPRM;

(c) perayu seterusnya memberitahu, dia menemui satu guni yang berisi senjata api RELA di dalam peti besi yang tidak berkunci;

(d) perayu mengatakan dia tidak berpeluang untuk memeriksa bilangan senjata api milik RELA Selama memandangkan tiada rekod yang diserahkan kepadanya;

(e) perayu tidak menafikan bahawa dia ada menyerahkan dua laras senapang patah jenama Harrington & Richardson kepada SP3. Menurut perayu, senapang patah yang diserahkan kepada SP3 adalah senapang patah yang rosak dan tidak boleh digunakan lagi;

(f) perayu tidak menafikan bahawa semasa menyerahkan dua laras senapang patah kepada SP3, dia mendapat bayaran; dan

(g) perayu bersetuju bahawa senapang patah yang dijual kepada SP3 adalah milik RELA. Namun perayu menafikan cadangan timbalan pendakwa raya bahawa ekshs P5A dan P7A merupakan dua laras senapang patah yang dijual kepada SP3.

[9] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara bijaksana mendapati perayu gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. Pihak pendakwaan pula telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah.

RAYUAN

[10] Semasa pendengaran rayuan, perayu pada dasarnya mendakwa bahawa hakim bicara bijaksana terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal membuat penilaian maksimum terhadap keterangan di peringkat pendakwaan dan seterusnya dengan silap telah memutuskan pendakwaan berjaya membuktikan satu kes prima facie, sedangkan pendakwaan gagal membuktikan bila sebenarnya perayu menjual senjata api-senjata api seperti didakwa; terdapat keretakan rangkaian keterangan apabila pihak pendakwa:

(a) gagal mengemukakan guni 'Premium Grade Egyptian Rock Phosphate' yang mengandungi P5A dan P7A;

(b) gagal mengemukakan laporan pengauditan yang dilakukan pada tahun 2014;

(c) gagal untuk memanggil Razak bin Sukot iaitu Pegawai Rela Daerah Selama, yang bertugas sebelum perayu mengambil alih tugasnya di Selama sebagai saksi;

(d) gagal memanggil Pegawai Pusat Latihan Rela Wilayah Utara ('PLRWU') di Sungai Petani, Kedah bagi mengesahkan sama ada 289 laras yang dikatakan diserah oleh perayu kepada stor senjata api PLRWU seperti dalam keterangan SP5;

(e) gagal untuk memanggil Penjaga Stor PLRWU Sungai Petani, Kedah yang telah tandatangan dan cop Unit Persenjataan PLRWU apabila perayu menyimpan sebanyak 289 laras senapang di dalam stor PLRWU;

(f) gagal memanggil pekerja-pekerja yang menjaga kawasan pam air dalam gambar P13A dan B di mana P5A dan P7A dikatakan dijumpai; dan

(g) gagal mengemukakan gambar keadaan asal P5A dan P7A yang sebenarnya ada dalam keadaan terlerai apabila dijumpai.

[11] Peguam bela terpelajar perayu turut berhujah hakim bicara bijaksana turut terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal mendapati keterangan SP3 adalah 'inherently incredible' apabila beliau mendakwa P5A dan P7A disimpan di bawah pokok limau selama hampir dua tahun tanpa melihatnya atau tidak menggunakannya untuk apa-apa tujuan.

[12] Seterusnya peguam bela terpelajar berhujah bahawa hakim bicara bijaksana terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal memberi

pertimbangan yang sewajarnya kepada pembelaan perayu yang tidak dicabar oleh pihak pendakwaan dan terkhilaf apabila mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan P5A dan P7A adalah milik RELA.

PENILAIAN DAN KEPUTUSAN KAMI

[13] Meneliti hujah peguam bela terpelajar yang mewakili perayu, kami dapati pada dasarnya peguam bela terpelajar perayu mempersoalkan keputusan hakim bicara bijaksana dalam memutuskan pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie. Peguam bela terpelajar juga mendakwa hakim bicara bijaksana gagal memberi pertimbangan maksimum terhadap pembelaan perayu.

[14] Kami telah meneliti rekod rayuan terutama keterangan yang direkodkan dari saksi-saksi serta alasan penghakiman hakim bicara bijaksana. Jelas kepada kami bahawa hakim bicara bijaksana telah mengguna prinsip undang-undang yang betul dalam menentukan sama ada pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu. Hakim bicara bijaksana merujuk kepada kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 dan juga kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457 berhubung beban pendakwaan bagi membuktikan kes prima facie, dan seterusnya berkata di perenggan 7 alasan penghakiman di ms 19 rekod rayuan Jld 1:

> (7) Sekarang Mahkamah ini dengan berpandukan kepada peruntukan seksyen 180 KTJ dan nas-nas tersohor di atas yang mengikat Mahkamah ini, *akan membuat penilaian maksimum ke atas keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan*, bagi menentukan sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh. (Penekanan ditambah.)

[15] Seterusnya, berdasarkan keterangan SP1 yang telah mengesahkan ekshs P5A dan P7A boleh melepaskan tembakan semasa ujian 'seviceability', hakim bicara bijaksana telah dengan betul memutuskan P5A dan P7A adalah senjata api seperti ditakrifkan di bawah s 2 Akta.

[16] Berdasarkan keterangan SP3 yang menyatakan beliau membeli dua laras senapang patah tersebut dari perayu, hakim bicara bijaksana mendapati perayu telah melakukan perbuatan berdagang senjata api tersebut. Keterangan SP3 berhubung pembelian dua laras senapang patah dari perayu tidak pernah dicabar oleh pihak pembelaan. Apa yang dibangkitkan oleh peguam bela terpelajar perayu semasa menyoal balas SP3 hanyalah berhubung keadaan senapang tersebut sama ada dalam keadaan terpasang lengkap atau dalam keadaan dileraikan dan sama ada ia rosak atau tidak.

[17] Setelah dua inti pati ini iaitu P5A dan P7A di sahkan sebagai senjata api dan perayu memperdagangkan dua senjata api tersebut tanpa lesen yang sah terbukti, maka kami dapati hakim bicara bijaksana adalah betul apabila memutuskan pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu.

[18] Tidak dinafikan, bagi membukti perayu memperdagangkan senjata api P5A dan P7A dengan menjual P5A dan P7A kepada SP3, pihak pendakwaan banyak bergantung atas keterangan SP3. Oleh itu, tidak hairan apabila peguam bela terpelajar cuba menggambarkan apa yang diberitahu oleh SP3 di mahkamah adalah 'inherently incredible' dengan membangkitkan isu keretakan rantaian keterangan; kegagalan pihak pendakwaan memanggil pekerja-pekerja yang menjaga kawasan pam air di mana P5A dan P7A dijumpai serta kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan gambar keadaan asal P5A dan P7A semasa dijumpai.

[19] Setelah kami meneliti keseluruhan keterangan yang ada, kami dapati isu-isu yang dibangkitkan oleh peguam bela terpelajar perayu tidak dengan apa cara sekalipun boleh melemahkan kes pendakwaan. Ini berdasarkan alasan bahawa keterangan SP3 bahawa beliau membeli dua laras senapang patah pada harga lebih kurang RM5,000 hingga RM6,000 daripada perayu semasa di hadapan pejabat RELA dan kemudian terus membawa kedua-dua senapang patah tersebut dan disimpan di tempat di mana P5A dan P7A kemudian ditemui, tidak pernah dicabar oleh perayu. Pemeriksaan balas perayu terhadap SP3 dapat dilihat di ms 53 dan 54 Jld 2 rekod rayuan. Soal balas hanya menyentuh keadaan P5A dan P7A semasa diserahkan oleh perayu. Ia seperti berikut:

Pemeriksaan Balas

S: Berapa jauh rumah encik dengan tempat 2 pucuk senapang ini dijumpai?

J: Lebih kurang 100 km.

S: Tempat di mana encik letak di bawah pokok adalah tempat yang terbuka?

J: Ya.

S: Encik kata langsung tidak lihat senapang itu - tapi ada pegang di dalam guni?

J: Ya.

S: Apa yang encik rasa semasa pegang guni senapang itu dipasang lengkap atau dileraikan.

J: Dileraikan.

S: Kedua-dua senjata api di dalam guni telah dileraikan.

J: Ya, sebab pendek sahaja di guni itu.

S: Tidak panjang seperti yang ditunjukkan di mahkamah sekarang?

J: Betul.

S: Setuju tak masa encik Yaakop beri kepada encik dia kata senjata api telah rosak? A

J: Dia kata telah lupus.

[20] Keterangan yang diberikan oleh SP3 yang tidak dicabar dalam kes ini boleh dianggap telah diakui seperti mana diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212 di mana mahkamah melalui penghakiman Raja Azlan Shah HB (Malaya) (sebagaimana Baginda ketika itu) memutuskan: B

> A correct statement of the law is that failure of the defence to cross-examine the prosecution witnesses on the matter merely goes to the credibility of their testimony ... On this point we need only say there is a general rule that failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's testimony. But as it is common with all general rules, there are also exceptions as pointed out in the judgment of the Supreme Court of New Zealand in *Transport Ministry v Garry* where Haslam J said at p 122: C D
>
> > In *Phipson on Evidence* (11th Ed) para 1544 the learned authors suggest examples by way of exception to the general principle that failure to cross-examine will amount to an acceptance of the witness testimony, viz, where ... the story is itself of an incredible or romancing character, or the abstention arises from mere motive of delicacy ... or when counsel indicates that he is merely abstaining for convenience, e.g, to save time. And where several witnesses are called on the same point, it is not always necessary to cross-examine them all. E

[21] Dalam kes ini, setelah kami meneliti keterangan SP3 secara keseluruhannya, kami dapati tiada apa-apa yang 'incredible or romancing character' dalam keterangan SP3 terutama berhubung beliau membeli P5A dan P7A dari perayu dan menyimpannya di tempat di mana P5A dan P7A kemudiannya ditemui. Oleh itu kami, dengan hormat, dapati hakim bicara bijaksana bertindak betul dengan menerima keterangan SP3 dalam memutuskan pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie. F G

[22] Berhubung isu rantaian keterangan mengenai barang kes, kami dapati keterangan jelas menunjukkan P5A dan P7A telah dirampas oleh SP6 daripada SP3 dan diserahkan kepada SP7 pada hari sama. Barang kes sama telah ditandakan dengan sempurna serta dicamkan oleh saksi-saksi pendakwaan yang berkenaan iaitu SP6, SP7, SP2 dan SP1. Oleh itu kami bersependapat dengan timbalan pendakwa raya, identiti barang kes tidak boleh dipertikaikan. Justeru itu kami dapati dakwaan peguam bela terpelajar bahawa rangkaian keterangan berhubung barang kes P5A dan P7A adalah tidak bermerit. H I

[23] Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan laporan pengauditan yang dilakukan pada tahun 2014; gagal untuk memanggil Razak bin Sukot iaitu Pegawai Rela Daerah Selama, yang bertugas sebelum perayu mengambil alih tugasnya di Selama untuk memberi keterangan; gagal untuk memanggil

Pegawai PLRWU di Sungai Petani, Kedah bagi mengesahkan sama ada 289 laras yang dikatakan diserah oleh perayu kepada stor senjata api PLRWU seperti dalam keterangan SP5; gagal untuk memanggil Penjaga Stor PLRWU Sungai Petani, Kedah yang telah tandatangan dan cop Unit Persenjataan PLRWU apabila perayu menyimpan sebanyak 289 laras senapang di dalam stor PLRWU; gagal memanggil pekerja-pekerja yang menjaga kawasan pam air dalam gambar P13A dan B di mana P5A dan P7A dikatakan dijumpai, juga pada pendapat kami bukanlah perkara yang boleh melemahkan kes pendakwaan. Pada pandangan kami, saksi- saksi ini bukanlah saksi penting bagi membuktikan kes pendakwaan. Kegagalan memanggil mereka memberi keterangan tidak menjejaskan kes pendakwaan memandangkan terdapat keterangan dari saksi-saksi lain pendakwaan yang membuktikan setiap inti pati bertuduhan. Tambahan lagi saksi-saksi ini hanyalah berhubung isu sama ada P5A dan P7A adalah kepunyaan RELA yang pada pendapat kami, bukan satu dari elemen yang perlu dibuktikan bagi tuduhan di bawah s 7 Akta.

[24] Kami bersependapat dengan hakim bicara bijaksana bahawa sama ada P5A dan P7A adalah kepunyaan RELA atau tidak bukanlah satu dari elemen yang perlu dibuktikan dalam kesalahan memperdagangkan senjata api di bawah s 7 Akta. Walau apa pun, adalah menjadi satu penemuan fakta oleh hakim bicara bijaksana bahawa P5A sememangnya kepunyaan RELA walaupun tiada kepastian P7A adalah kepunyaan RELA kerana nombor siri pada P7A telah diganggu. Dapatan hakim bicara berhubung tuan punya P5A boleh dilihat pada perenggan 25 alasan penghakiman:

> (25) SP5 telah mengesahkan senapang patah H&R bernombor siri 59315 terdapat di nombor 288 eksh P19. Senapang patah itu merupakan antara senjata api RELA yang disyaki hilang sebagaimana tersenarai di dalam eksh P20A. Menurut SP5 lagi, di dalam eksh P18 senapang patah bernombor siri 59315 dikatakan disimpan di IPD Selama. Semakan SP5 dengan IPD itu mendapati senapang patah itu tiada dalam simpanan IPD Selama. Tidak syak lagi bahawa eksh P5A adalah milik pejabat RELA Daerah Selama.

[25] Berdasarkan alasan di atas, kami dapati dakwaan peguam bela terpelajar bahawa hakim bicara bijaksana gagal menilai secara maksimum keterangan saksi pendakwaan dan juga terkhilaf dalam mendapati pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie di akhir kes pendakwaan adalah satu dakwaan yang tiada bermerit. Sebaliknya kami mendapati hakim bicara bijaksana telah membuat keputusan yang betul dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie dan seterusnya memerintah perayu membela diri.

[26] Ini membawa kami kepada isu terakhir yang ditimbulkan oleh perayu iaitu dakwaan perayu bahawa hakim bicara bijaksana terkhilaf dari segi fakta

dan undang-undang apabila gagal memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada pembelaan perayu yang tidak dicabar oleh pihak pendakwaan. A

[27] Meneliti alasan penghakiman hakim bicara bijaksana, jelas kepada kami hakim bicara bijaksana telah menimbang keseluruhan keterangan perayu bagi menentukan sama ada pembelaan perayu menimbulkan apa-apa keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Keraguan munasabah yang dimaksudkan di sini adalah keraguan munasabah seperti mana dihuraikan oleh Sharma H dalam kes *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16: B

> It has again been said that 'reasonable doubt' is the doubt which makes you hesitate as to the correctness of the conclusion which you reach. If under your oaths and upon your consciences, after you have fully investigated the evidence and compared it in all its parts, you say to yourself I doubt if he is guilty, then it is a reasonable doubt. It is a doubt which settles in your judgment and finds a resting place there. Or as sometimes said, it must be a doubt so solemn and substantial as to produce in the minds of the jurors some uncertainty as to the verdict to be given. A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence. C D

[28] Berbalik kepada rayuan ini, apakah pembelaan perayu yang didakwa oleh peguam bela terpelajar yang telah berjaya menimbul keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan? Kami dapati tiada apa-apa dalam pembelaan perayu yang boleh menimbulkan keraguan terhadap fakta asas atas mana kes pendakwaan bergantung yang telah dibuktikan oleh pendakwaan. Malah perayu sendiri, dalam pembelaannya, mengakui menjual dua laras senapang patah kepada SP3. Ini dengan sendiri menunjukkan perayu memiliki dua senapang patah tersebut sebelum menjual kepada SP3. Perayu juga mengakui dua senapang patah tersebut adalah milik RELA. E F

[29] Apa yang dipertikaikan hanyalah identiti dua senapang patah yang dijual oleh perayu kepada SP3. Perayu mencadangkan P5A dan P7A bukan dua senapang patah yang dijual kepada SP3. Berhubung dakwaan ini, peguam bela terpelajar bagi pihak perayu pula hanya sekadar mengulangi hujahan beliau kononnya identiti ekshs P5A dan P7A sebagai senapang patah yang dijual oleh tertuduh adalah diragui. Ini adalah kerana perayu mengatakan beliau telah menyerahkan senapang patah rosak dan tidak boleh digunakan di dalam guni yang tertera perkataan 'Senjata api Untuk Dibuat Pelupusan'. Mengikut peguam bela terpelajar, tanpa guni tersebut, adalah diragui ekshs P5A dan P7A merupakan senapang patah-senapang patah yang diserahkan oleh SP3 kepada pihak polis. G H I

[30] Berhubung isu ini kami dapati, hakim bicara bijaksana telah pun menilai dan membincangkan dengan panjang lebar dalam alasan penghakiman beliau di mana pada perenggan 48 alasan penghakiman hakim

bicara bijaksana menulis:

> (48) Keterangan tertuduh itu perlu dinilai bersama keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan. SP3 di dalam keterangannya mengatakan sebaik sahaja beliau membuat bayaran dan menerima (2) laras senapang patah yang dimasukkan ke dalam guni beliau terus membawa guni itu ke tempat persembunyian. Beliau tidak pernah membuka guni tersebut. Daripada luar guni, SP3 tahu senapang patah yang dimasukkan ke dalam guni itu telah dileraikan kerana ukurannya yang pendek. Seterusnya, SP3 tidak pergi ke tempat di mana guni itu disembunyikan sehinggalah beliau ditangkap oleh pihak polis (2) tahun kemudian. SP3 telah memandu arah SP6 untuk merampas senapang patah-senapang yang disembunyikan itu. Senapang patah-senapang patah di dalam guni itu ialah ekshs P5A dan P7A. SP6 kemudiannya menyerahkan ekshs P5A dan P7A kepada SP7. SP7 mempunyai kawalan ke atas ekshs P5A dan P7A sehinggalah diberikan kepada SP2 untuk proses etching. Ketika proses etching, SP7 ada bersama SP2. Kemudian, SP7 menghantar ekshs P5A dan P7A untuk ujian serviceability dan selepas itu mengambilnya kembali daripada SP1. Rantaian keterangan berkait penjagaan barang kes bermula daripada masa SP3 dapatnya daripada tertuduh sehinggalah dikemukakan ke Mahkamah ini tidak pernah terputus. Adalah jelas berdasarkan keterangan saksi-saksi pendakwaan, walaupun SP3 tidak dapat mengecam ekshs P5A dan P7A, (2) laras senapang patah itu sememangnya senjata api-senjata api yang dibeli oleh SP3 daripada tertuduh. Kegagalan SP3 mengecam ekshs P5A dan P7A adalah kerana beliau tidak pernah melihat senjata api yang dibeli daripada tertuduh. Adalah mustahil untuk meminta SP3 mengecam sesuatu yang beliau tidak pernah lihat. Tiada juga keterangan yang menunjukkan bahawa SP3 ada memberitahu orang lain tempat di mana ekshs P5A dan P7A disembunyikan yang boleh mendedahkan ekshs P5A dan P7A kepada kacau ganggu pihak ketiga. Semasa pemeriksaan balas tidak pernah dicadangkan kepada SP3 bahawa guni yang diambil di bawah pokok limau itu telah dikacau ganggu.

[31] Setelah keterangan perayu diteliti bersama-sama keterangan saksi pendakwaan secara keseluruhannya, kami bersependapat dengan hakim bicara bijaksana yang mendapati sebagai fakta bahawa P5A dan P7A merupakan dua senapang patah yang sama yang telah dijual oleh perayu kepada SP3. Kami juga bersependapat dengan hakim bicara bijaksana bahawa pembelaan perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Sebaliknya pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah. Kami dapati hakim bicara bijaksana tidak melakukan apa-apa kesilapan dalam mendapati perayu bersalah dan menyabitkan perayu dengan pertuduhan yang ada.

KESIMPULAN

[32] Berdasarkan alasan di atas, kami dapati rayuan perayu tidak mempunyai merit. Sabitan adalah selamat dan disokong dengan cukup keterangan. Rayuan terhadap sabitan ditolak. Keputusan hakim bicara bijaksana dikekalkan.

HUKUMAN

[33] Hanya dua hukuman diperuntukkan di bawah s 7(1) Akta iaitu hukuman mati atau penjara seumur hidup dengan sebatan tidak kurang enam sebatan. Hakim bicara bijaksana setelah mengambil kira umur perayu yang sudah berumur 60 tahun dan kesihatan perayu yang mengalami sakit jantung, hakim bicara bijaksana memilih untuk menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup tanpa sebarang sebatan.

[34] Memandangkan tiada rayuan silang di pihak pendakwa raya berhubung hukuman, kami dapati tiada keperluan untuk kami mengganggu hukuman penjara seumur hidup yang jatuhkan oleh hakim bicara bijaksana. Oleh itu hukuman penjara seumur hidup yang dijatuhkan oleh hakim bicara bijaksana dikekalkan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh